



**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**  
**KAMPUS WILAYAH TENGAH**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Jalan Ilmu off Jalan Universiti  
**59100 KUALA LUMPUR**  
Tel.: 603-79661555, Faks: 603-79554767/603-79568550  
Web.: <http://www.intanbk.intan.my>



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: INTAN:108/31E/6.62 ( )

Tarikh: Mei 2012

Encik Robest Yong  
Committee Member  
Malaysian Association of Creativity and Innovation (MACRI)  
Menara UOA,  
No. 40, Jalan Bangsar Utama 1, Bangsar,  
59000 Kuala Lumpur

Tuan,

### **JEMPUTAN PENCERAMAH UNTUK PROGRAM DISKUSI EKSEKUTIF SIRI 3/2012**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Wilayah Tengah (INTENGAH) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menganjurkan Diskusi Kreatif Siri 3/2012 pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 29 Mei 2012 (Selasa)

Masa : 9.30 – 11.30 pagi

Tempat : Dewan Perdana Mestika  
Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB),  
No. 19, Jalan Yaakob Latif (Jalan Tenteram),  
Bandar Tun Razak  
56000 Kuala Lumpur

3. Program ini akan dihadiri oleh penjawat awam dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di sekitar Kuala Lumpur. Sehubungan itu, INTENGAH secara rasminya menjemput tuan sebagai wakil *Malaysian Association of Creativity and Innovation* (MACRI) untuk menyampaikan ceramah mengenai kreativiti dan inovasi semasa program tersebut pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan di atas.